



## AKU JANJI PELAJAR

Saya \_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan/No.Pasport \_\_\_\_\_, No Pelajar \_\_\_\_\_ berjanji bahawa saya akan mematuhi semua undang-undang, statut, peraturan, kaedah dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sarawak (selepas daripada ini disebut "Universiti), yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang saya menjadi pelajar Universiti. Saya berjanji seterusnya:

1. Akan mematuhi Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009 dan 2012) dan peruntukan berkenaan dengan tata tertib am sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sarawak (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 termasuklah:
  - a. Tidak akan melanggar peruntukan berhubungan dengan tata tertib am, yang antara lain termasuklah:
    - i. Tidak akan merosakkan atau memudaratkan kepentingan, kesejahteraan dan nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti.
    - ii. Tidak akan merosakkan atau memudaratkan ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tata tertib; dan
    - iii. Tidak akan mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus.
  - b. Peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam kuliah, sekatan tentang penggunaan teks kuliah dan plagiarisme;
  - c. Peruntukan berkenaan dengan peperiksaan dan kelakuan pelajar semasa peperiksaan dijalankan;
  - d. Peruntukan berkenaan dengan kegiatan pelajar di luar kampus dan penglibatan pelajar dalam bidang pekerjaan;
  - e. Peruntukan berkenaan dengan larangan berjudi, minum minuman keras, berkelakuan tidak senonoh, memiliki bahan lucah, memiliki dan menggunakan dadah dan racun; dan
  - f. Peruntukan berkenaan dengan kebersihan di dalam kampus dan etika berpakaian pelajar.
2. Akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib asrama sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sarawak (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999; dan
3. Akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib lalu lintas jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sarawak (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan tersebut, maka tindakan boleh diambil ke atas saya menurut undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan berkenaan termasuklah disingkirkan daripada Universiti.

.....  
Tandatangan  
  
Nama : \_\_\_\_\_  
  
No. Pelajar : \_\_\_\_\_  
  
Fakulti : \_\_\_\_\_

.....  
Tandatangan  
  
Nama Saksi : \_\_\_\_\_  
  
Cop Rasmi : \_\_\_\_\_  
  
Tarikh : \_\_\_\_\_